



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**MERINYU (D.1-2-3 EB.4-5)
JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



MERINYU

JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

D.1-2-3 EB.4-5 (\$530-\$1,625 EB KHAS \$1,665-\$1,825 SEBULAN)

KEKOSONGAN = SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) 4 Kepujian / Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau sebanding.

ATAU

- b) *BDTVEC National Trade Certificate Grade 2 (NTC2)* dalam bidang bersesuaian.

ATAU

- c) Telah berkhidmat di Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- d) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

2. Mempunyai lesen memandu kelas 3 yang sah (tidak mansuh).
3. Keutamaan akan diberikan kepada calon **LELAKI**.
4. Mempunyai kebolehan menggunakan komputer iaitu *Microsoft Words* dan *Excel* atau sebanding adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Melaksanakan pemeriksaan dan pengawasan pemeliharaan landskap dan kemudahan awam yang dikendalikan secara berkontrak di kawasan Taman Rekreasi Pantai Muara dan Pantai Serasa;



2. Menghadapkan laporan penuh mengenai perkembangan / penilaian prestasi kerja bagi pemeriksaan dan pengawasan pemeliharaan landskap dan kemudahan awam yang dikendalikan secara berkontrak kepada Pembantu Teknik Kanan pada setiap minggu pertama;
3. Melaporkan sebarang kerosakan aset-aset Taman Rekreasi yang di bawah jagaan kepada Pembantu Teknik Kanan untuk dihadapkan kepada Ketua Bahagian dalam tempoh sehari untuk tindakan selanjutnya;
4. Keluar lebih masa bagi memastikan pintu pagar utama dan kedua di Pantai Serasa tidak terhalang pada hari Jumaat, Ahad dan hari kelepasan awam bagi memastikan tiada sebarang kenderaan seperti *trailer* dan lain-lain binaan *stall* larangan;
5. Memantau kegiatan pengunjung dan memastikan aset-aset kerajaan dan tanaman landskap sentiasa terpelihara, selamat dan tiada berlaku sebarang kecurian, pemugut dan masalah-masalah lain; dan
6. Menerima arahan daripada Ketua Atasan dari masa ke semasa.